




Mont Kiara Interchange on Sprint, is a 3-level, Y-interchange connecting Penchala Link and Kerinchi Link.

Persimpangan Mont Kiara di Sprint adalah persimpangan-Y yang bertingkat tiga yang menyambungkan Hubungan Penchala dan Hubungan Kerinchi.



The Group is the largest urban toll-road operator in Malaysia with more than 1.7 million vehicle trips per day on 102km of toll roads located in the heart of the Klang Valley's busiest corridors.

Kumpulan ini adalah pengendali jalan bertol bandar yang terbesar di Malaysia dengan lebih dari 1.7 juta perjalanan kereta sehari di 102km jalan bertol yang terletak di pertengahan jalan laluan Lembah Klang yang tersibuk.



The Penchala twin tunnels feature some of the latest technology such as air quality system, heat-detecting system and closed circuit TV monitoring system.

Terowong kembar Penchala memaparkan beberapa teknologi terkini seperti sistem kualiti udara, sistem pengesanan haba dan sistem pemantauan TV litar tertutup.

Our expressway and water treatment concession businesses continue to see steady growth from new capacity additions as well as organic growth. The division contributed 17% of the group's operating earnings.

Tolled Highways

With the addition of Sprint's Penchala Tunnel to the group's network of roads, of which we are already the largest urban toll-road operator, and further growth in usage, overall tolled traffic volumes have grown to 800,000 vehicles per day.

Traffic volume on Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) continues to improve year on year. Congestion issues are being addressed through active traffic management as well as building of new interchanges to ensure our users have a safe, fast and convenient alternative.

Perniagaan konsesi lebuhraya dan rawatan air kami terus mencatatkan pertumbuhan yang mantap, dengan penambahan kapasiti baru dan juga pertumbuhan organik. Bahagian ini menyumbang 17% daripada pendapatan operasi kumpulan.

Lebuhraya Bertol

Kumpulan ini ialah pengendali jalan bertol bandar yang terbesar dan dengan penambahan Terowong Penchala Sprint dalam rangkaian jalan raya kumpulan, serta pertumbuhan lanjut dari segi penggunaan, bilangan kenderaan yang melalui jalan bertol mencecah angka 800,000 kenderaan sehari.

Jumlah kenderaan di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) terus meningkat setiap tahun. Isu kesesakan lalu lintas sedang ditangani menerusi pengurusan lalu lintas yang aktif dan juga pembinaan persimpangan bertingkat baru untuk memastikan pengguna kami mempunyai alternatif yang selamat, pantas dan menyenangkan.

infrastructure concessions

konsesi infrastruktur



Fast, safe and hassle-free drive on the LDP with the opening of the Puchong Jaya and other interchanges.

Perjalanan yang lebih selesa, cepat dan selamat di LDP dengan pembukaan persimpangan di Puchong Jaya dan tempat-tempat lain.



Overall traffic volumes on our highways have grown to 800,000 vehicles per day.

Bilangan kenderaan yang menggunakan lebuh raya bertol kumpulan terus meningkat kepada 800,000 kenderaan sehari.

The opening of the additional interchanges at Kelana Jaya, Puchong Jaya and the IOI U-turn, and the widening of congested stretches especially at Kampung Chempaka, has smoothened tremendously the bottlenecks at these locations. The new connection at PJS 7 and 9 is anticipated to be completed by early 2005.

Shah Alam Expressway (SAE) continues to benefit from significant development activity along the southern corridor of Kuala Lumpur, providing a viable alternative for east-west traffic.

Pembukaan persimpangan bertingkat tambahan di Kelana Jaya, Puchong Jaya dan selekoh-U IOI, dan kerja melebarkan jalan yang sesak, khususnya di Kampung Chempaka, telah melancarkan lalu lintas di kawasan tersebut. Sambungan baru di PJS 7 dan 9 dijangka siap menjelang awal 2005.


Lebuh Raya Shah Alam (LSA) terus mendapat manfaat daripada kegiatan pembangunan pesat di koridor selatan Kuala Lumpur, lalu menyediakan alternatif yang baik bagi lalu lintas timur-barat.



SSP3 caters to the needs of 45% of Klang Valley's population.
SSP3 membekalkan 45% keperluan air Lembah Klang.

infrastructure concessions

konsesi infrastruktur



Draw-off tower at the Sungai Selangor Dam.

Menara alir ambilan di Empangan Sungai Selangor.



Rasa Water Treatment Plant Phase 1 & 2 supply a total of 250MLD.

Loji air rawatan Rasa Fasa 1 & 2 membekalkan air sebanyak 250MLD.



Communication within the plant is by means of fibre optics while outlying sites such as the intake and balancing reservoir are communicated via radio signals.

Komunikasi di dalam loji adalah menerusi kaedah serat optik manakala tapak luar seperti takungan pengambilan dan pengimbangan berhubung melalui isyarat radio.

Water Supply

Stage 2 of Rasa Water Treatment Plant was commissioned during the year, adding another 125 mld to the water supply network for Ulu Selangor and Rawang. With this latest addition, the total system capacity under our associate Splash has increased to 1,600 mld and with the completion of Bukit Badong Stage 2 WTP, Splash would have a total capacity of 2,000 mld making it the largest water supplier in the country.

Bekalan Air

Peringkat 2 Loji Rawatan Air Rasa telah mula digunakan tahun ini, lantas menambah bekalan air sebanyak 125 mld untuk kawasan Ulu Selangor dan Rawang. Dengan keupayaan pengeluaran tambahan terbaru ini, jumlah kapasiti sistem di bawah sekutu kami Splash telah meningkat kepada 1,600 mld. Apabila Peringkat 2 Loji Rawatan Air Bukit Badong siap kelak, Splash akan mempunyai jumlah kapasiti 2,000 mld, menjadikannya pembekal air terbesar di negara ini.

township development

PEMBANGUNAN PERBANDARAN



Waterfront bungalows resplendent at dusk in Bandar Botanic.

Banglo berhadapan tasik yang serba indah pada waktu senja di Bandar Botanic.



township development
pembangunan perbandaran



Vast expanse of landscaped greenery sets the lifestyle environment in Valencia.
Landskap menghijau yang luas melatari suasana gaya hidup di Valencia.



Breathtaking beauty of Canal Gardens in award-winning Kota Kemuning.

Suasana indah di Canal Gardens, yang terletak di Kota Kemuning, sebuah taman yang telah menang beberapa anugerah.



Residents enjoy healthy lifestyle activities in one of Bandar Botanic's many recreational parks.

Penduduk menikmati gaya hidup sihat di salah sebuah taman rekreasi Bandar Botanic.



A year of strong sales and good construction progress from this key division of the group, which is developing three township projects, contributed 24% of the group's operating earnings.

Total sales increased to RM730 million during the year, compared to RM680 million the previous year. A healthy take-up rate of almost 90% and order book of RM700 million unbilled sales together with new launches during the year would sustain future contributions for this division.

Bandar Botanic

Much of key infrastructure for the township has been completed, and deliveries of the first batch of homes are progressing. While sales in Parcel A continues, new launches of creatively designed and well-specified bungalows, semi-dees, super-links and commercial units in Ambang Botanic has been extremely well received, reflecting the premier position of Gamuda Land properties.

Bahagian penting ini, yang sedang membangunkan tiga taman perumahan, mencatatkan jualan yang kukuh dan kadar penyediaan yang baik dalam tahun yang dilaporkan, untuk menyumbang 24% kepada pendapatan operasi kumpulan.

Jumlah jualan meningkat kepada RM730 juta pada tahun yang dilaporkan, berbanding RM680 juta pada tahun sebelumnya. Kadar jualan sehingga 90% dan buku pesanan RM700 juta dalam bentuk jualan belum dibill, bersama pelancaran baru pada tahun yang dilaporkan akan mengekalkan sumbangan bahagian ini pada masa depan.

Bandar Botanic

Sebahagian besar daripada infrastruktur utama taman perumahan ini telah siap, dan penyerahan kelompok pertama rumah sedang dibuat. Sambil jualan bagi Parsel A diteruskan, pelancaran banglo, rumah berkembar, super link dan unit komersil yang direka bentuk secara kreatif dengan spesifikasi menarik di Ambang Botanic telah mendapat sambutan sangat menggalakkan, lantas mencerminkan keunggulan hartanah Gamuda Land.

township development

pembangunan perbandaran



Bandar Botanic's waterfront bungalows are nestled amongst meandering lakes and picturesque landscapes.

Banglo berhadapan tasik Bandar Botanic yang terletak dalam suasana landskap yang indah.



The heart and soul of Valencia is its Village Square.

Village Square yang menjadi tempat tumpuan di Valencia.



Valencia's Olympic size swimming pool is one of its many club facilities for residents.

Kolam renang bersaiz Olimpik di Valencia adalah salah satu daripada kemudahan kelab untuk ahli-ahlinya.

Much effort has been put into ensuring the execution of our innovative plans to meet the needs of our purchasers. Common facilities, security and amenities are being enhanced continually for the comfort and enjoyment of home-owners in Klang's first botanic community.

Kota Kemuning

Launches at Kemuning Hills and Canal Gardens which are gated developments, have continued to do very well with award-winning concepts and innovative products. Our commitment in providing the best possible planning and infrastructure, plus fresh product ideas continue to keep us at the forefront in this market.

Valencia

Delivery of homes from the initial phases has started. Secondary market transactions of completed properties have taken prices to new benchmark highs, underscoring the successful concept and good construction execution.

The nine-hole exclusive golf course and the clubhouse are operational and the first residents have started to enjoy the unique features of one of Malaysia's premier life-style developments.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menjamin pelaksanaan rancangan inovatif kami untuk memenuhi keperluan pembeli kami. Kemudahan am, keselamatan dan prasarana sentiasa dipertingkatkan demi nikmat dan keselesaan pemilik rumah dalam masyarakat taman botani yang pertama di Klang.

Kota Kemuning

Pelancaran di Kemuning Hills dan Canal Gardens, taman perumahan berpagar, terus mendapat sambutan baik kerana konsep yang memenangi anugerah dan produk inovatif. Komitmen kami menyediakan perancangan dan infrastruktur terbaik serta idea produk yang serba baru memastikan kami terus mempelopori pasaran ini.

Valencia

Penyerahan kunci bagi rumah-rumah dalam fasa awal telah bermula. Urus niaga pasaran sekunder bagi hartanah yang sudah siap telah menyaksikan harga tanda aras tertinggi dicatatkan, lantas membuktikan kejayaan konsep ini dan pembinaan yang dilaksanakan dengan baik.

Padang golf sembilan lubang yang eksklusif serta rumah kelabnya sudah beroperasi dan para penghuni awal telah mula menikmati kemudahan dan keunikan salah sebuah taman perumahan berunsur gaya hidup yang paling unik di Malaysia.

Quarrying & Others

GB Kuari, which supplies quarry products, road paving materials and services continues to perform consistently and profitably, is a leading quarry in the northern states.

Gamuda Trading, a supplier of construction and building materials for the groups' infrastructure and property projects as well as external customers, has had another good year due to the high level of activity in our infrastructure and property projects.

Megah Sewa has also had a satisfactory year, providing the requisite heavy construction plant and field support for the group's earthwork and building projects.

Corporate Developments

As broadly reported in the media, the electrified double-tracking railway project, awarded in October 2003 to the MMC-Gamuda J.V. was subsequently postponed in January 2004 to a new date to be notified by the Malaysian government.

Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd., in which Gamuda has a 50% stake, signed a construction cum concession agreement with the Government of Malaysia on 2nd June 2004 for the design, construction and commissioning of the RM1.933 billion SMART project, as well as a 40-year concession to operate and collect toll on the motorway.

As part of the group's strategy to develop a wider presence in the ASEAN region, we signed a Project Development Agreement (PDA) on 28th November 2004 with the Government of Laos to develop the Nam Theun 1 (NT1) hydropower project, located in Bolikhamsay province, central Lao PDR. The project will supply about 450 MW of power, mainly to Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT).

The PDA follows the earlier agreement signed on 26th May 2004 where Gamuda was given the exclusivity to conduct a feasibility study on the project. Construction of the project, with an estimated construction cost of about US\$550 million (RM2.09 billion), will begin in early 2006 after financial arrangements have been finalized.

Kuari & Lain-lain

GB Kuari, yang membekalkan produk kuari, bahan dan perkhidmatan menurap jalan terus mencatatkan prestasi yang konsisten dan menguntungkan sebagai kuari utama di negeri-negeri utara.

Gamuda Trading, pembekal bahan pembinaan dan bangunan bagi projek infrastruktur dan hartanah kumpulan dan juga pelanggan luar, sekali lagi mencatatkan prestasi memberangsangkan pada tahun yang dilaporkan kerana kegiatan pesat projek infrastruktur dan hartanah kami.

Megah Sewa juga mencatatkan prestasi yang baik, dengan membekalkan jentera pembinaan berat dan sokongan lapangan yang diperlukan bagi kerja tanah dan projek pembinaan kumpulan.

Perkembangan Korporat

Seperti yang dilaporkan secara meluas di media, projek landasan kembar, yang diberikan pada Oktober 2003 kepada usaha sama MMC-Gamuda telah ditangguhkan pada Januari 2004 ke tarikh baru yang akan dimaklumkan oleh kerajaan Malaysia.

Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd., yang dimiliki 50% oleh Gamuda, telah menandatangani perjanjian pembinaan dan konsesi dengan Kerajaan Malaysia pada 2hb Jun 2004 untuk mereka bentuk, membina dan melaksanakan projek SMART yang bernilai RM1.933 bilion, dan juga memegang konsesi selama 40 tahun untuk mengendali dan mengutip tol di jalan raya tersebut.

Sebagai salah satu strategi kumpulan ini untuk kewujudan yang meluas di rantau ASEAN, kami telah menandatangani Perjanjian Pembinaan Projek (PDA) pada 28hb November 2004 dengan Kerajaan Laos untuk membina projek kuasa hidro Nam Theun (NT1), yang terletak di daerah Bolikhamsay, di pertengahan Lao PDR. Projek ini akan membekalkan kuasa letrik 450 MW, hampir kesemuanya kepada "Electricity Generating Authority of Thailand" (EGAT).

PDA ini adalah berikutan perjanjian yang telah ditandatangani dahulu pada 26hb Mei 2004 di mana Gamuda diberi kebenaran eksklusif untuk membuat kajian kemungkinan tentang projek ini. Anggaran kos pembinaan projek adalah US\$550 juta (RM2.09 bilion), pembinaan akan bermula awal 2006 selepas susunan kewangan telah ditetapkan.

The Challenges Ahead

CABARAN DI HADAPAN

Prospects for 2004/2005

Although the postponement of the electrified double-tracking project did not have any significant impact on earnings for the year, there is a need for the group to replenish our construction order-book which currently stands at RM2 billion.

We will continue to focus on developing new project ideas as well as improving the efficiency of our investments and operations in Malaysia. On the domestic front, the environment for construction will likely remain challenging as the government continues to focus on fiscal prudence. Increasingly there are tremendous opportunities to undertake more overseas work, especially within the region as economic activity has grown rapidly and surpassed pre-1997 economic crisis heights.

We believe we are among the select few, well-qualified infrastructure developers who can leverage off our experience in planning, designing, financing and constructing innovative, large scale and complex infrastructure projects quickly and reliably. These qualifications, together with our trademark implementation speed and efficiency, would position us favourably to undertake many of the projects that we see on the horizon.

For the year ahead, the prospects for the group look favourable due to contributions from our good order book of infrastructure projects, healthy unbilled sales from the property division and steady earnings from our expressway and water supply concessions.

Prospek bagi 2004/2005

Walaupun penangguhan projek landasan elektrik kembar tidak membawa sebarang kesan ketara ke atas pendapatan bagi tahun yang dilaporkan, kumpulan perlu mengisi semula buku pesanan projek yang kini berjumlah RM2 bilion.

Kami akan terus memberi tumpuan terhadap usaha membangunkan idea-idea projek baru di samping meningkatkan kecekapan pelaburan dan operasi kami di Malaysia. Di dalam negara, persekitaran sektor pembinaan dijangka tetap mencabar memandangkan langkah kerajaan untuk terus melaksanakan dasar fiskal yang berhemat. Kini terdapat peluang yang amat besar untuk melaksanakan lebih banyak projek di luar negara, khususnya di rantau ini, kerana kegiatan ekonomi kian berkembang pesat dan mengatasi kemuncak sebelum krisis ekonomi 1997. Kami percaya kami adalah di antara hanya segelintir pemaju infrastruktur berkecayaan yang dapat memanfaatkan pengalaman kami dalam perancangan, reka bentuk, pembiayaan dan pembinaan projek infrastruktur inovatif, berskala besar dan kompleks dengan pantas dan boleh dipercayai. Keupayaan ini, apabila digandingkan dengan kepantasan dan kecekapan pelaksanaan yang sememangnya menjadi lambang kekuatan kami, akan meletakkan kami pada kedudukan yang baik untuk menjalankan pelbagai projek yang dirancang untuk masa depan.

Untuk tempoh seterusnya tahun ini, prospek kumpulan cerah kerana sumbangan daripada pesanan projek infrastruktur, jualan belum dibil yang tinggi daripada bahagian hartanah dan pendapatan stabil daripada konsesi lebuhraya dan bekalan air kami.